



Nuansa

EDITOR : NORLAILA HAMIMA JAMALUDDIN

TEL : 1-300-22-6787 SAMB: 8269 FAKS : 03-20567083/7084

TANGANI KEJUTAN BUDAYA

Fazurawati Che Lah

fazurawati@metro.com.my

Farah (bukan nama sebenar) gembira kerana terpilih antara puluhan ribu yang bakal bergelar mahasiswa universiti kluang-kluang tahun lalu.

Kegembiraan Farah yang juga anak jati Selangor itu hampir terpadam apabila tiga semester pengajiannya dalam bidang perbankan di sebuah universiti awam (UA) di Melaka tidak 'mengembirkannya'.

"Perubahan persekitaran daripada kehidupan di bandar ke kawasan yang kurang membangun menyebabkan saya mati akal.

"Saya rasa hendak berhenti belajar kerana minat semakin berkurangan dan tekanan persekitaran pula menyebabkan tidak dapat memblaskan diri.

"Lebih memburukkan keadaan apabila terpaksa berjujukan dengan keluarga," kata anak sulung daripada tiga beradik yang berasal dari Shah Alam itu.

Berikutan itu, Farah turut mengalami penurunan berat badan hingga 25 kilogram kerana terlalu rindu kepada keluarga selama setahun setengah pengajian di situ.



> N30&N31